



Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong

Er Ah Choy¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Correspondence: Er Ah Choy (email: ever@ukm.my)

Abstrak

Pelancongan merupakan aktiviti penting dalam sektor perkhidmatan. Sumbangannya kepada pendapatan negara kian meningkat. Oleh itu aktiviti ini perlu diteguhkan dengan menerapkan prinsip pembangunan lestari. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis pelancongan lestari di negeri Melaka dari perspektif pelancong. UNESCO telah mengiktiraf negeri Melaka sebagai tapak warisan dunia. Kajian ini memilih negeri tersebut sebagai kes dengan tumpuan kepada pusat pelancongan di sekitar Alor Gajah, Bandar Melaka dan Ayer Keroh. Menggunakan kaedah pemerhatian kajian ini merekod tingkah laku pelancong serta seni bina dan infrastruktur di tapak pelancongan. Kaji selidik ke atas 140 responden turut digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelancong memilih Melaka sebagai destinasi percutian keluarga. Ini kerana terdapat banyak khazanah warisan nasional dan pelbagai tapak sejarah di negeri tersebut. Bangunan warisan seperti A-Famosa, Stadhuys dan rumah-rumah kedai tradisional dalam bandar masih terpelihara dengan mengekalkan nilai estetikanya. Begitu juga budaya masyarakat Kampung Morten seperti tarian dan muzik tradisionalnya serta kesenian *puppet show* dan batik yang turut menarik pelancong. Pelancong berpendapat bahawa penduduk tempatan terutamanya peniaga, pengusaha homestay atau pemandu pelancong, berbudi bahasa dan peramah dan sangat dihargai pelancong. Namun kebanyakan pelancong berpendapat, selain bangunan dan warisan budaya lain yang terjaga dengan baik, kemudahan infrastruktur dan tahap kebersihan bandar masih memerlukan pembaikan untuk mencapai tahap pelancongan lestari yang lebih baik.

Katakunci: budaya tradisional, nilai estatika, pelancongan lestari, perspektif pelancong, tapak warisan dunia, warisan nasional

Sustainable tourism development in Malacca: Tourists perspective

Abstract

Sustainable tourism as an important component of service sector in Malaysia has increasingly generated much of the country's revenue. Therefore, this activity needs to be strengthened by incorporating the principles of sustainable development. The objective of this article is to analyse sustainable tourism in Malacca from tourists' perspective. UNESCO has recognised the state of Malacca as a world heritage site. The present study chose the state as a case with special reference to tourism sites located in and around Alor Gajah, Malacca City and Ayer Keroh. Using observation method, this study recorded tourists' behaviour, as well as the cultural and architectural elements that present in the communities and the state of infrastructural provision of these tourism sites. In addition, a questionnaire survey was also carried out over 140 respondents among tourists on the sites to collect information regarding their perception on sustainable tourism. Result of the study showed that most of the tourists chose Malacca as their destination for a family vacation. This was mainly due to the presence of many national heritages and well known historical sites in the state. Heritage buildings such as the A-Famosa, Stadhuys and the towns' traditional shophouses were well maintained. Their aesthetic values were also still intact. So did the cultural tradition of Kampung Morten such as their folk dances, batiks, musics and puppet shows which still attract tourists. To the tourists, particularly those directly involved in tourism activities as traders, homestay operators and tourist guides, were very kind and friendly. However, most tourists were of the opinion that, apart from well maintained traditional buildings and other cultural heritages, the state of

infrastructural provision and urban cleanliness still need much improvement to attain a high level of sustainable tourism.

Keywords: aesthetical value, national heritages, sustainable tourism, tourists perspective, traditional culture, world heritage site

Pengenalan

Pelancongan merujuk kepada aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain yang melebihi lima puluh batu (83 kilometer) dari tempat kediaman tidak lebih dari satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang. Menurut Pertubuhan Pelancongan Sedunia, iaitu salah satu badan gabungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pelancongan merujuk kepada aktiviti perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti perkhidmatan kepada pelancong. Pelancongan telah menjadi aktiviti masa lapang yang popular di seluruh dunia. Pada 2004, terdapat lebih 763 juta orang pelancong di seluruh dunia (World Tourism, 2005). Pada masa kini, konsep pembangunan lestari (berterusan) telah diterima pakai dalam semua jenis aktiviti ekonomi termasuk sektor perkhidmatan seperti pelancongan. Sebenarnya, konsep pembangunan lestari mula diketengahkan sejak *Brundtland Commission*, yang dikenali juga sebagai “World Commission on Environment and Development (WCED)” pada tahun 1983. Laporan Brundtland berjudul “Our Common Future” yang diterbitkan pada tahun 1987 menjadi rujukan umum tentang pembangunan berterusan (Abdul Ghani & Aziah, 2007). Oleh itu, pelancongan lestari membawa maksud sumber-sumber pelancongan semulajadi, kebudayaan dan lain-lain yang dipulihara untuk penggunaan yang berterusan pada masa yang akan datang dan pada masa yang sama masih membawa manfaat kepada masyarakat masa kini. Pelancongan lestari merupakan sejenis aktiviti pelancongan yang berterusan memulihara, menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan yang mempunyai tarikan pelancong, sama ada berkaitan dengan alam sekitar atau kebudayaan, dan memodenkan struktur sosial di kawasan tersebut sehingga menjadi satu aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan negara dan mampu untuk meningkatkan taraf hidup komuniti setempat (Murphy, 1985).

Pelancong mempunyai persepsi yang tersendiri tentang pelancongan lestari. Persepsi pelancong adalah gambaran tentang pengalaman seseorang pelancong tentang sesebuah kawasan pelancongan yang dikunjungi. Menurut Morisson (2002), persepsi seseorang pelancong secara umumnya melibatkan lima deria rasa, iaitu penglihatan, pendengaran, rasa, sentuh, dan bau bagi menilai hospitaliti dan perkhidmatan terhadap produk pelancongan yang ditawarkan. Frasa bahawa persepsi lebih daripada realiti menggambarkan kepelbagaian gelagat pelancong. Gambaran yang dilakar oleh seseorang pelancong tentang sesuatu pusat pelancongan dibuat berdasarkan persepsi dan pengalaman dirinya. Seringkali pengalaman yang menyeronokkan melahirkan persepsi yang melebihi realiti. Begitu jugalah sebaliknya apabila pelancong mengalami sesuatu yang tidak menyenangkan semasa melancong di sesuatu tempat, persepsi yang terbentuk lazimnya lebih buruk daripada realiti. Persepsi seseorang pelancong, walaupun bukan suatu pandangan yang boleh diterima tetapi berguna untuk memberi gambaran tentang kelebihan atau kekurangan sesebuah pusat pelancongan. Hal ini penting dalam usaha untuk memajukan sektor pelancongan negara seperti Malaysia.

Di Malaysia, pertumbuhan sektor pelancongan boleh dianggap perlahan. Pada awal tahun 1970, kegiatan yang berkaitan dengan sektor pelancongan diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Pelancongan, Kementerian Perdagangan dan Industri. Pada masa itu, sumbangan sektor pelancongan adalah kecil dan kurang diberikan tumpuan. Pada 10 Ogos 1972, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) bagi mengembangkan lagi sektor pelancongan dan meningkatkan lagi sumbangannya kepada ekonomi negara. Semenjak penubuhannya, TDC telah berkembang pesat dan menjadi salah satu agensi utama yang mencorakkan keadaan sosioekonomi negara seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Hasil daripada kejayaan yang dicapai oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, maka pada 20 Mei 1987, sebuah kementerian baru ditubuhkan oleh kerajaan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Secara langsung Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dipindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke Kementerian yang baru ini (Mohmadisa & Mohamad Suhaily, 2010).

Sejajar dengan perkembangan industri pelancongan global, maka pada bulan Mei 1992, Akta PKPM 1972 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta LPPM tahun 1992 bagi memantapkan fungsi dan skop PKPM supaya lebih relevan dan berdaya saing. Dengan ini, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali dengan singkatnya *Tourism Malaysia* telah ditubuhkan. Fungsi pembangunan dan penguatkuasaan yang dahulunya diletakkan di bawah PKPM kini telah dimansuhkan. Ini bagi membolehkan *Tourism Malaysia* memberi tumpuan khas terhadap program-program memasarkan Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa dengan lebih efektif. Penggunaan nama *Tourism Malaysia* pula dibuat secara meluas demi mewujudkan jenama korporat yang konsisten. Kaedah ini telah diilhamkan oleh Y.B. Dato' Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (kini Tan Sri) yang ketika itu merupakan Pengerusi LPPM merangkap Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Industri pelancongan di negara ini terus diperkasakan melalui rombakan kabinet pada 27 Mac 2004 yang menyaksikan kewujudan satu kementerian yang khusus yang dikenali sebagai Kementerian Pelancongan Malaysia. Dari saat itu, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) kini secara rasminya bernaung di bawah kementerian ini.

Kini, industri pelancongan bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan dan menjadi salah satu penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan peluang pekerjaan (Jadual 1). Pada tahun 2008, Malaysia telah mencatatkan ketibaan 22,052,488 orang pelancong, iaitu pertambahan sebanyak 5.1 peratus berbanding 20,972,822 orang pelancong yang tiba pada tahun 2007. Jumlah pendapatan sektor pelancongan juga meningkat daripada RM46.1 bilion pada tahun 2007 kepada RM49.6 bilion pada tahun 2008. Peningkatan jumlah kemasukan pelancong dan pendapatan sektor tersebut terus berlaku pada tahun-tahun berikutnya 2009, 2010, 2011 dan 2012.

Jadual 1. Kemasukan Pelancong ke Malaysia

Tahun	Jumlah (orang)
2007	20,972,822
2008	22,052,488
2009	23,646,191
2010	24,577,196
2011	24,714,324
Januari hingga Mei 2012	9,438,592

Sumber: Diubah suai daripada Kementerian Pelancongan Malaysia, pelbagai tahun.

Mengambil kira aktiviti pelancongan yang dilaksanakan di Malaysia masa kini yang mesti dikaitkan dengan pembangunan lestari, pelbagai usaha telah dijalankan untuk melestarikan produk pelancongan negara. Kini, prinsip pelancongan lestari bukan sahaja terhad kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta sumber-sumbernya, tetapi juga merangkumi pengurusan sumber manusia, budaya, kewangan di samping pembangunan fizikal. Kebelakangan ini, diperhatikan bahawa satu dimensi baru tentang pembangunan lestari telah wujud, iaitu dimensi yang berteraskan generasi. Ini berlaku akibat meningkatnya penghargaan umum terhadap manfaat yang dapat diperolehi melalui usaha pembangunan lestari (Chamhuri Siwar, 2004). Ini menjadikan konsep pelancongan lestari semakin popular dan menjadi amalan oleh kebanyakan pemaju pusat-pusat pelancongan di negara ini termasuk yang terdapat di negeri Melaka.

Sekaitan dengan pengenalan di atas, artikel ini bertujuan untuk mengalisis pola persepsi pelancong terhadap pembangunan pelancongan lestari di negeri Melaka. Fokus perbincangan artikel ini diberikan kepada tahap kesedaran pelancong terhadap perancangan pembangunan pelancongan lestari di negeri berkenaan.

Pelancongan lestari di Melaka

Motif pelancong berkunjung ke negeri Melaka berbeza-beza. Sebahagian pelancong, sama ada pelancong tempatan atau pelancong luar negara, datang ke Melaka kerana mahu melawat pelbagai kesan tinggalan dan tapak warisan sejarah. Manakala sebahagian pelancong yang lain pula berkunjung ke negeri ini kerana mahu membeli-belah. Oleh itu, pelbagai produk mengenai warisan sejarah dan pelbagai kemudahan berupa pusat membeli-belah telah dibangunkan. Usaha tersebut adalah sebagai

salah satu strategi penting untuk mempromosi pelancongan di negeri Melaka. Bagi tujuan promosi, kerajaan negeri dan Kementerian Pelancongan Malaysia akan terus membantu memupuk perkongsian pintar antara kerajaan dengan organisasi pelancongan dan sektor swasta. Perkongsian ini akan membentuk citra serta meningkatkan nama baik negeri Melaka sebagai pusat pelancongan yang menarik.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah membentuk pakatan strategik global dan kerjasama serantau untuk menggalakkan pelancongan antara negara melalui aktiviti mesyuarat dan persidangan. Pelbagai pihak berkepentingan termasuk pembekal perkhidmatan kembara dan siar, pembekal perkhidmatan pengangkutan, organisasi MICE, pengusaha hotel dan operator di destinasi pelancongan digalakkan bekerjasama antara mereka supaya dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pelancong. Di samping itu, dengan peningkatan liberalisasi dalam perkhidmatan pelancongan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan, usaha giat akan dijalankan untuk mempromosi Malaysia, khususnya negeri Melaka sebagai destinasi utama dan destinasi persinggahan dalam kalangan negara ASEAN serta rantau Asia Pasifik (Rancangan Malaysia ke-9, 2006-2010).

Selain kerjasama, usaha juga dijaklankan bagi meningkatkan akses ke negeri Melaka (Rancangan Malaysia ke-9, 2006-2010). Sehubungan itu, perkhidmatan pengangkutan di pintu masuk, rangkaian pengangkutan antara bandar dan tempat peranginan serta akses kepada perkhidmatan komunikasi terutamanya kemudahan Internet telah dipertingkatkan. Infrastruktur dan kemudahan pengangkutan udara, darat dan laut dinaik taraf bagi membantu pertumbuhan industri pelancongan. Penambahbaikan perkhidmatan juga dilakukan termasuk memperkenalkan permohonan visa dalam talian. Penyediaan permit masuk berbilang kali akan terus dilaksanakan bagi membantu kelancaran perjalanan. Ini kerana negeri Melaka sememangnya dikenali sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang terunggul di Malaysia dengan keunikan warisan budayanya yang tersendiri, tempat-tempat bersejarah untuk dilawati dan tidak kurang pentingnya budayanya yang unik dan makanannya yang begitu enak untuk memenuhi cita rasa pelbagai latar belakang pelancong.

Bagi tujuan promosi, pihak kerajaan negeri telah mengetengahkan satu slogan. Slogan Melaka "Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia" secara ringkas sudah dapat memberi gambaran produk pelancongan yang disajikan kepada pelancong, iaitu pelancongan yang bertemakan warisan sejarah dan budaya masyarakat. Penduduk Melaka yang berbilang kaum serta budaya turut memberi kelainan dan ini meletakkan Negeri Melaka sebagai salah sebuah destinasi pelancong yang terbilang di Rantau Asia. Pada 7 Julai 2008, Melaka juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai sebuah Bandaraya Warisan Dunia dan kini dikenali sebagai "Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO". Ini disokong dengan 12 Sub Sektor Pelancongan Negeri Melaka yang terkenal, iaitu Pelancongan Sejarah, Pelancongan Budaya, Pelancongan Rekreasi, Pelancongan Sukan, Pelancongan Membeli-Belah, Pelancongan Konvensyen, Pelancongan kesihatan, Pelancongan Pendidikan, Pelancongan Agro, Pelancongan Makan-makan, Pelancongan Melaka Rumah Keduaku dan Pelancongan Belia (<http://www.melaka.gov.my/bm/pelancongan.html>).

Aktiviti pelancongan warisan dan budaya di Melaka kini telah berkembang pesat. Selain produk yang berkaitan dengan sejarah dan warisan budaya, produk yang berasaskan sumber semulajadi seperti pantai, memancing di laut, hutan lipor, *Water Theme Park*, Zoo Melaka, Taman Rama-rama dan Taman Mini Malaysia turut ditawarkan. Selain tempat penginapan berupa hotel bertaraf antarabangsa, medan selera dan rumah makan yang berlkualiti juga turut dibina. Bagaimanapun, perkembangan pesat aktiviti pelancongan tidak menjamin tahap kelestariannya. Penawaran produk dan perkhidmatan pelancongan yang banyak dan pelbagai itu boleh menjejaskan kualiti persekitaran dan kemusnahan sumber alam. Kini konsep pembangunan pelancongan lestari mula diterima pakai dan dipraktikkan bagi memastikan bukan sahaja alam sekitar tetapi sumber lain termasuk warisan sejarah dan budaya yang terdapat di sekitar Bandaraya Melaka dapat dipulihara.

Isu melestarikan aktiviti pelancongan di Bandaraya Melaka turut tercabar kerana terdapat kecenderungan bahawa kebanyakan pelancong yang berkunjung ke negeri ini hanya bersifat sementara. Tidak ramai pelancong ulangan, iaitu pelancong yang berulang-kali berkunjung ke bandar raya ini. Kementerian Pelancongan Malaysia mensasarkan agar bilangan pelancong ulangan bertambah. Pelancong yang berkunjung ke Melaka juga tidak seimbang antara pelancong tempatan dan pelancong luar negara. Bagi menjamin kelestarian aktiviti pelancongan, selain terus menggalakkan kunjungan pelancong tempatan, bilangan pelancong dari luar negara juga perlu ditingkatkan.

Kawasan dan metod kajian

Kajian ini dilakukan di sekitar bandar Alor Gajah, bandar Melaka dan Ayer Keroh, iaitu kawasan yang menempatkan kebanyakan pusat pelancongan di negeri ini. Di Alor Gajah terdapat Makam Dol Said, Tanjung Tuan, dan Kota Air A'Famosa. Manakala bandar Melaka memiliki bangunan Stadhuys dan A'Famosa. Sementara di sekitar Ayer Keroh pula, terdapat Zoo Melaka, Taman Rama-rama, Taman Mini Malaysia dan Taman Mini Asean (Rajah 1).



Sumber: <http://www.dromoz.com/directory/place/?id=958&p=melaka>

Rajah 1. Kawasan kajian: Negeri Melaka

Data kajian ini diperolehi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder. Data primer dikumpul melalui kaji selidik yang disokong melalui pemerhatian oleh pengkaji di lapangan. Kaji selidik dilakukan terhadap 140 orang responden yang terdiri daripada pelancong dalam dan luar negara secara rawak mudah. Borang kaji selidik ditadbirkan ke atas responden untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap pengalaman, kepuasan produk, status alam sekitar dan penglibatan penduduk tempatan. Kaedah pemerhatian digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang perlakuan pelancong di tapak pelancongan, keadaan dan tahap penyediaan infrastruktur serta kemudahan pelancongan yang lain, corak seni bina bangunan warisan dan amalan budaya. Temu bual dengan pengusaha dan masyarakat setempat juga turut dilakukan untuk mendapatkan pandangan tentang aktiviti pelancongan yang dijalankan, impak terhadap masyarakat setempat dan masalah yang mereka hadapi. Data sekunder pula diperolehi daripada pelbagai sumber termasuklah yang diperolehi melalui laman web Kementerian Pelancongan, Pihak Berkuasa Tempatan dan rekod serta dokumen daripada pengusaha pusat pelancongan di ketiga-tiga tempat tersebut.

Hasil kajian dan perbincangan

Latar belakang pelancong dan sebab melancong ke Melaka

Jadual 1 ini menunjukkan negara asal responden yang melancong ke Melaka. Berdasarkan dapatan kajian, pelancong yang berasal dari Melaka merupakan pelancong yang paling ramai berbanding pelancong dari negara lain. Peratusan pelancong yang berasal dari Melaka adalah sebanyak 32.1 peratus. Daripada jadual ini juga, pelancong yang datang ke Melaka boleh dipecahkan kepada dua iaitu pelancong dalam negara dan pelancong luar negara. Pelancong dalam negara yang jumlahnya 93.6 peratus adalah pelancong yang datang dari negeri yang ada di dalam Malaysia. Manakala

pelancong luar negara yang jumlahnya hanya 6.4 peratus adalah pelancong yang datang dari luar Malaysia.

Jadual 1. Negara/negeri asal pelancong yang datang ke Melaka

Negara asal	Kekerapan	Peratus
<i>Dalam Negara</i>		
Johor	9	6.4
Kedah	6	4.3
Kelantan	2	1.4
Kuala Lumpur	7	5.0
Melaka	45	32.1
Negeri Sembilan	7	5.0
Pahang	14	10.0
Perak	8	5.7
Pulau Pinang	1	0.7
Sabah	3	2.1
Sarawak	2	1.4
Selangor	11	7.9
Terengganu	12	8.6
Malaysia	4	2.9
<i>Luar Negara</i>		
Australia	1	0.7
Netherland	2	1.4
Singapura	6	4.3
Jumlah	140	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan, 2011.

Selain dari dalam negeri Melaka sendiri yang merupakan majoriti pengunjung, pelancong dalam negara ini berasal dari negeri Johor, Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Pelancong dari luar pula adalah dari Negara jiran iaitu Singapura, Netherland dan Australia. Bagi aktiviti pelancongan seperti juga migrasi, jarak sangat mempengaruhi destinasi. Jarak tempat destinasi yang berhampiran akan menarik jumlah pelancong yang ramai. Begitulah juga sebaliknya (Nicolas & Mas, 2005). Hal ini menjelaskan mengapa lebih ramai pelancong dalam negara berbanding pelancong luar negara berkunjung ke Melaka.

Jadual 2 pula menunjukkan motif kunjungan pelancong ke pusat-pusat pelancongan di sekitar negeri Melaka.

Jadual 2. Sebab memilih Melaka sebagai destinasi percutian

Sebab berkunjung	Kekerapan	%
Bandar Warisan & pelbagai tapak bersejarah dan percutian	111	79.3
Objek tarikan pelancong seperti Menara Taming Sari	54	38.6
Membeli-belah	58	41.4
Makan-makan	41	29.3
Tempat-tempat ibadat/ taubat	16	11.4
Cruise Sungai	48	34.3
Melawat saudara mara	29	20.7
Tempat asal	1	0.7


Daripada Jadual 2 dapat diperhatikan bahawa majoriti pelancong (79.3%) memilih Melaka sebagai destinasi percutian. Ini kerana kawasan ini merupakan Bandar Warisan yang terkenal dengan pelbagai tapak bersejarah. Hal ini dapat dilihat melalui pemerhatian yang dilakukan kerana tempat-tempat sejarah seperti bangunan Stadhuys dan kota A-Famosa menjadi tumpuan ramai pelancong berbanding lokasi lain. Negeri Melaka merupakan negeri yang kaya dengan tinggalan tapak bersejarah. Oleh itu tempat tersebut paling sesuai untuk dikunjungi bagi mengetahui sejarah tempat

tersebut (Swarbrooke, 1995). Selain tujuan lawatan ke tempat bersejarah, sebahagian lagi (41.4%) melawat Bandaraya Melaka kerana mahu membeli belah di gedung membeli belah terutamanya yang terletak di sekitar Bandar Hilir. Mereka ini kebanyakannya adalah penduduk negeri Melaka sendiri.


Persepsi pelancong tentang pemuliharaan persekitaran fizikal kawasan pelancongan

Berdasarkan Rajah 2, sebanyak 86.43 peratus pelancong berpendapat bahawa Sungai Melaka dipulihara secara berterusan. Hanya 7.14 peratus responden merasakan bahawa Sungai Melaka tidak dipulihara dan 6.43 peratus pula tidak menyedari dan tidak tahu akan hal ini. Pendapat yang serupa dapat dikesan bagi pemuliharaan pesisiran Sungai Melaka (Rajah 3). Majoriti pelancong (68.57%) berpendapat bahawa persekitaran di pesisir Sungai Melaka dijaga dan dipulihara dengan baik secara berterusan melalui pelbagai langkah pembersihan, penjagaan tebing dan penanaman pokok hiasan. Ini terbukti apabila kerajaan Negeri Melaka telah melaksanakan usaha membersihkan Sungai Melaka sepanjang 4.5 km. Penjagaan dan pemuliharaan ini penting bagi membolehkan aktiviti *River Cruise* dijalankan. *River Cruise* merupakan produk pelancongan yang diminati ramai di kawasan tersebut (Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka, 2000). Pemerhatian yang dilakukan juga menunjukkan pelancong yang berkunjung ke tempat tersebut tidak melepaskan peluang untuk merasai pengalaman menaiki bot menyusuri Sungai Melaka yang berpemandangan indah. Pelancong sanggup beratur panjang bagi menunggu giliran menaiki bot tersebut.

Walaupun majoriti berpendapat bahawa pesisiran sungai dan pantai Melaka dijaga dengan baik, terdapat 22.14 peratus pelancong tidak bersetuju manakala 9.29 peratus yang lain tidak tahu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pesisir pantai Melaka seperti Pantai Klebang dan Tanjung Keling umumnya memang dipelihara secara berterusan. Namun, terdapat sebilangan kecil pelancong, khususnya pelancong dari Singapura yang merasakan keadaan pantai tersebut kini masih tidak dijaga dengan baik. Ini kerana terdapat kawasan pantainya yang telah ditambak dan agak kotor, sempit, kurang tumbuhan dan kurang kemudahan.




Rajah 2. Pemuliharaan Sg. Melaka



Rajah 3. Pemuliharaan pesisiran Sg. Melaka

Dari segi kebersihan keseluruhan, para pelancong berpandangan bahawa Bandar Warisan Melaka boleh dikategorikan sebagai bersih. Ini kerana majoriti responden (84.3%) berpandangan demikian dan hanya sebilangan kecil responden (15.7%) yang menyatakan sebaliknya (Rajah 4).



Rajah 4. Pandangan tentang kebersihan bandar Melaka

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merupakan pihak berkuasa tempatan yang aktif melakukan operasi pembersihan di bandar raya tersebut, terutamanya di kawasan pelancongan. Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji menunjukkan bahawa para pekerja sentiasa berada di tempat-tempat strategik di sekitar bandar raya bagi mengawasi dan memastikan kebersihan kawasan terjaga. Kemudahan tempat membuang sampah seperti tong sampah dan sistem pelupusan sampah, khususnya lori yang dilengkapi alat menghancurkan sampah, berada dalam keadaan yang baik.

Pandangan pelancong tentang penjagaan bangunan warisan sejarah

Melalui pemerhatian yang dilakukan, masjid Kampung Kling mempunyai seni bina yang dipengaruhi oleh Portugis, Jawa, India, dan Cina. Masjid Kampung Kling ini juga telah diwartakan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988 (Pindaan 1993). Tokong Chen Hoon Teng pula mempunyai seni bina dari negara China kerana bahan-bahan binaan tokong ini diimport dari Negara China. UNESCO juga mengiktiraf tokong ini sebagai bangunan warisan sejarah Melaka. Selain itu, gereja St. Paul yang mempunyai seni bina Eropah turut diiktiraf sebagai bangunan warisan sejarah Melaka. Seperti yang pernah dilaporkan oleh Raja Shahminan & Raja Nafida, 2007, bangunan-bangunan ini masih menjadi tarikan kepada pelancong. Ini membayangkan bahawa bangunan tersebut masih terpelihara. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebanyak 90.7 peratus pelancong merasakan bahawa bangunan keagamaan yang ada di Melaka ini, khususnya masjid, tokong dan gereja lama masih terpelihara dengan baik. Terdapat tanda bahawa usaha memulihara secara lestari dilakukan ke atas bangunan tersebut. Namun, sebanyak 5.0 peratus responden pelancong merasakan masih terdapat bangunan keagamaan yang terbiar dan kelihatan tidak dipulihara secara lestari. Baki 4.3 peratus lagi pula adalah pelancong yang tidak mengetahui sama ada bangunan keagamaan ini bersifat lestari ataupun tidak.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa bangunan yang terdapat di kawasan perniagaan tradisional, khususnya rumah kedai lama juga masih terpelihara dengan baik. Sejumlah 84.3 peratus pengunjung mengakui bahawa rumah kedai lama yang bersifat tradisional yang ada di Melaka ini masih dipulihara secara lestari. Manakala sebanyak 8.6 peratus responden pelancong merasakan rumah kedai ini tidak dipulihara secara lestari. Diikuti oleh 7.1 peratus responden pelancong tidak tahu. Melalui pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa rumah kedai tradisional ini yang terletak di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Tukang Besi dan Jalan Hang Jebat masih mengekalkan ciri-ciri tradisi lama terutama dari segi bentuk bangunan, penampilan kedai, perhiasan danyang lebih ketara fungsi yang ditawarkan. Peniaga-peniaga yang ada di sini adalah masyarakat Cina dan mereka menguruskan perniagaan tradisional yang diwarisi dari nenek moyang serta ibu bapa mereka. Antara perniagaan yang dilakukan adalah tukang jahit, tukang kasut, tukang buat keranda dan tukang besi. Bagi pelancong yang menjawab tidak tahu tentang kewujudan rumah kedai tradisional ini, mungkin disebabkan mereka tidak dapat melihatnya kerana lokasi rumah kedai tradisi ini agak tersorok dan pelancong hanya mengetahui kewujudannya jika melalui kawasan-kawasan tersebut.

Sebahagian daripada bangunan rumah kedai di lorong-lorong tradisional telah berubah fungsi menjadi butik dan hotel selain restoren atau kedai makan. Para pelancong berpandangan bahawa sesuai dengan fungsinya yang baharu, rumah kedai yang sebelumnya merupakan kedai runcit yang juga rumah kediaman di tingkat atasnya, lebih terpelihara. Sejumlah 61.4 peratus responden bersetuju bahawa rumah kedai tradisional yang berubah fungsi menjadi hotel dan butik kelihatan lebih terpelihara secara lestari. Manakala 17.1 peratus responden pula menafikan hal ini diikuti oleh 21.4 peratus yang tidak tahu. Sementara 56.4 peratus responden bersetuju bahawa rumah kedai tradisional yang ditukarkan kepada restoran/kedai makan dipulihara secara lestari. Manakala 43.6 peratus responden menyatakan sama ada tidak tahu sama sekali atau tidak tahu sejauh mana rumah kedai tradisional yang ditukarkan kepada restoran/kedai makan telah dipulihara secara lestari.

Mengenai warisan khazanah lama termasuk bangunan bersejarah, Bangunan Stadthuys adalah antara yang terkenal mendapat perhatian ramai. Bangunan lama ini dahulunya merupakan tempat rasmi Gabenor Belanda dan Timbalan Gabenor Belanda. Bangunan yang menampilkan seni bina Belanda ini menjadi bukti bahawa Melaka pernah dijajah oleh Belanda suatu ketika dahulu (Markarius Anwar, 2007). Majoriti responden (74.3%) bersetuju tentang kelestarian Bangunan Stadthuys. Manakala 14.3 peratus tidak bersetuju dan 11.4 peratus tidak tahu. Status kelestarian Bangunan Stadthuys ini boleh dikesan kerana reka bentuk bangunan ini masih dikekalkan dan dijaga dengan baik. Hal yang sama dapat dikatakan bagi bangunan muzium. Sejumlah 77.9 peratus responden bersetuju bahawa bangunan tradisional yang merupakan warisan sejarah Melaka yang telah ditukarkan menjadi muzium dipulihara dengan baik secara lestari. Hanya 22.1 peratus responden tidak bersetuju atau tidak pasti bahawa bangunan tradisi/warisan yang ditukarkan menjadi muzium ini dipulihara secara lestari.

Hasil daripada dapatan kajian ini, antara keenam-enam bangunan yang dinyatakan tersebut, bangunan yang dipulihara secara lestari adalah bangunan keagamaan, yakni masjid, tokong dan gereja seperti yang dinyatakan oleh 90.7 peratus daripada responden.

Penjagaan kemudahan asas

Kemudahan asas adalah elemen penting sesebuah kawasan pelancongan. Tahap penyediaan dan pengurusan kemudahan asas yang baik boleh membantu kelangsungan kedatangan pelancong ke sesebuah kawasan. Pengangkutan yang menggunakan mod jalan raya lebih mudah ditawarkan kerana ia banyak digunakan pada masa kini serta kos penggunaannya juga murah. Jadi, jalan raya lebih kerap digunakan berbanding pengangkutan cara lain (Mardianah Haji Mohd Ibno, 2000). Kajian ini mendapati 60 peratus pelancong bersetuju bahawa keadaan infrastruktur Monorail Melaka terpelihara secara lestari. Manakala 20 peratus masing-masing menjawab tidak dan tidak tahu. Kelestarian sistem monorail dapat dikesan berdasarkan ketiadaan asap yang dikeluarkan oleh kenderaan tersebut yang boleh mencemarkan udara. Namun, bagi responden yang tidak bersetuju mereka mengatakan bahawa monorail ini masih kurang digunakan kerana perkhidmatan sering terganggu dan tergendala beberapa ketika.

Begitu juga dengan penjagaan jalan-jalan lama yang merupakan sebahagian warisan sejarah Melaka seperti Lorong Jonker Walk, Heren Street dan Jalan Tokong. Sejumlah 85.7 peratus responden bersetuju bahawa jalan-jalan warisan di sekitar Melaka adalah dijaga dengan baik. Hanya 14.3 peratus sahaja yang mengatakan sebaliknya atau tidak pasti. Bagi memastikan kelestarian kawasan di sekitar jalan-jalan tradisional tersebut, pada 15 Jun 2011, Bandaraya Melaka telahewartakan lima zon bebas asap rokok, iaitu Bandar Warisan Dunia, Melaka Raya, Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Pusat Bandar Alor Gajah dan Pusat Bandar Jasin. Kawasan Bandar Warisan Dunia ini adalah merupakan kawasan terletaknya jalan-jalan warisan iaitu Jonker Walk, Heren Street, Jalan Tokong dan sebagainya. Pemerhatian yang dilakukan juga mendapati bahawa penduduk tempatan gemar menggunakan basikal dan ini merupakan amalan yang menyumbang kepada pelancongan lestari.

Bagi tujuan penambahbaikan, banyak jalan raya baru di kawasan pelancongan di sekitar Bandar Raya Melaka telah dibina atau dinaik taraf. Ini disedari oleh pelancong yang berkunjung ke kawasan berkenaan. Sejumlah 67.1 peratus responden bersetuju bahawa jalan-jalan baru yang dibina mempunyai ciri lestari, manakala 32.9 peratus yang lain sama ada tidak bersetuju atau tidak pasti/tahu. Jalan-jalan baru ini kelihatan baik kerana keadaan struktur jalan masih elok dan tidak

rosak. Terminal pengangkutan yang ada di Melaka, iaitu di Melaka Sentral dengan laluan utama ke Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Bandar-bandar utama lain di Semenanjung Malaysia juga dalam keadaan yang baik dan sistem berjalan lancar. Begitu juga halnya laluan pelancong untuk ke pusat pelancongan lain melalui Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin. Dari segi perkhidmatan bas awam, walaupun ramai yang bersetuju namun jumlahnya agak sederhana sahaja. Hanya 55.5 peratus responden bersetuju bahawa perkhidmatan bas awam disediakan dengan baik dan mempunyai ciri-ciri kelestarian. Sedangkan 44.5 peratus yang lain tidak bersetuju atau tidak tahu/pasti. Pengangkutan awam khususnya bas dikatakan menyumbang kepada pelancongan lestari lestari sekiranya berjaya mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian seterusnya mengurangkan pengeluaran karbon monoksida, iaitu asap dari kenderaan. Pengangkutan bas ini banyak digunakan oleh pelancong yang datang secara berkumpulan. Oleh itu, sistem pengangkutan awam, khususnya menggunakan bas perlu ditingkatkan dan diperbaiki.

Pemuliharaan warisan budaya tradisional

Berdasarkan pemerhatian beberapa buah kampung tradisional masih mempamerkan ciri-ciri tradisional yang boleh dianggap warisan sejarah negeri Melaka. Misalnya rumah-rumah yang ada di Kampung Morten mempunyai ciri-ciri tradisional dengan bentuk bumbung rumah yang memanjang serta tangga batu yang berjubin. Masyarakat yang tinggal di sini adalah 100 peratus etnik Melayu dan masih mengamalkan adat dan budaya Melayu. Lokasi Kampung Morten sangat strategik kerana berada betul-betul di tepi Sungai Melaka. Pemandangan Kampung ini pada waktu malam sangat cantik kerana lampu-lampu dipasang di setiap bumbung rumah. Ini menambahkan lagi keindahan kampung tersebut. Atas kelebihan tersebut maka ramai pelancong (87.1%) bersetuju bahawa warisan tradisional budaya Kampung Morten masih dipulihara untuk tujuan pelancongan. Hanya 12.9 peratus yang menyatakan sebaliknya. Begitu juga dari segi budaya tari-menari termasuk tarian Portugis dan joget Melaka. Sejumlah 78.6 peratus responden bersetuju bahawa tarian tradisional Melaka masih dipulihara bagi tujuan pelancongan. Hanya 21.5 peratus tidak bersetuju atau tidak tahu. Tarian tradisional ini lazimnya menjadi hiburan rasmi kerajaan negeri sama ada acara dalam negara mahupun luar negara. Ia juga turut dipertontonkan di hotel-hotel dan restoren-restoren besar di sekitar Melaka.

Begitu juga dengan kesenian yang lain, khususnya muzik tradisional seperti Dondang Sayang. Sejumlah 70.7 peratus responden bersetuju bahawa muzik tradisional Melaka masih dipulihara bagi tujuan pelancongan. Manakala 29.3 peratus menyatakan sebaliknya. Jenis muzik tradisional Melaka yang diingat hingga ke hari ini adalah Dondang Sayang. Ia agak sukar untuk dilihat di negeri lain namun di Melaka masih dimainkan sehingga kini. Muzik Dondang Sayang ini dilagukan secara berpasangan dan memerlukan kemahiran berpantun. Tidak kurang popularnya ialah budaya tradisional *Puppet Show* dan seni batik yang masih dipulihara bagi tujuan pelancongan. Hal tersebut dipersetujui oleh 71.4 peratus responden, manakala 28.6 peratus yang lain sama ada tidak bersetuju atau tidak tahu/pasti. Persembahan kesenian seperti *Puppet Show* ini boleh dilihat di Muzium Budaya Cheng Ho. Persembahan ini memaparkan tentang kehidupan Cheng Ho. Manakala Noor Arfa Batik pula menyediakan bilik pameran *Batik House* di MITC. Persembahan seni budaya warisan adalah antara acara yang perlu dalam memajukan pelancongan warisan di sesebuah kawasan. Menurut Abdul Rahman Aripin (1997:35) pengunjung lazimnya akan terpaku dengan persembahan budaya seni terutamanya jika dipersembahkan dalam bentuk cahaya, dialog, muzik dan drama.

Penglibatan komuniti tempatan

Aspek penglibatan penduduk tempatan juga merupakan komponen pelancongan lestari yang penting bagi negeri Melaka. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa 80 peratus responden bersetuju dengan adanya bukti tentang keterlibatan aktif komuniti lokal dalam aktiviti pelancongan di sekitar Melaka. Hanya 20 peratus yang tidak pasti atau tidak tahu. Komuniti lokal terlibat aktif dalam aktiviti pelancongan sebagai pengusaha makanan, pemandu pelancong dan pengusaha homestay. Kajian ini turut mendapati bahawa rata-rata pengunjung yang ditemui menyifatkan bahawa komuniti tempatan berbudi bahasa tinggi dan peramah sehingga amat menyenangkan hati pelancong. Penduduk tempatan dilihat menerima kehadiran pelancong dari sudut yang positif kerana kehadiran pelancong menyumbang kepada peningkatan ekonomi mereka. Pendapat ini dikongsi oleh ramai pengkaji

sebelum ini termasuk Yahaya Ibrahim (2002). Namun, terdapat segelintir penduduk tempatan yang kurang mahir dalam berkomunikasi terutamanya dalam bahasa Inggeris dan ini menyukarkan mereka untuk berhubung dengan pelancong.

Secara keseluruhan, komuniti lokal terlibat sama ada secara langsung sebagai pengusaha dan peniaga, atau tidak secara langsung sebagai tuan rumah yang sentiasa mengalu-alukan kehadiran pengunjung ke negeri mereka, amat menyumbang kepada kemajuan pelancongan di negeri ini. Kebanggaan mereka terhadap warisan sejarah dan budaya tradisional yang unik dan kerjasama mereka dalam mengekalkan seni bina rumah, keadaan kampung dan persembahan seni tari cukup penting bagi tujuan melestarikan aktiviti pelancongan di negeri Melaka. Tanpa penglibatan mereka, aktiviti pelancongan lestari di negeri ini tidak mungkin dapat dijayakan.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelancong memilih Melaka sebagai destinasi percutian kerana Melaka merupakan bandar warisan dengan pelbagai tapak sejarah. Oleh itu, khazanah warisan yang ada di sini harus dipelihara agar bersifat lestari. Kemudahan yang ada di sini perlu ditingkatkan agar dapat memudahkan pelancong berkunjung. Rata-rata pelancong bersetuju bahawa status persekitaran fizikal di sekitar kawasan pelancongan di Melaka lestari. Namun, terdapat segelintir penduduk yang kecewa dengan tindakan kerajaan menambak Pantai Klebang.

Bangunan warisan seperti A-Famosa, Stadhuys dan rumah kedai tradisi umumnya dipelihara secara lestari kerana masih mengekalkan nilai estetika yang ada pada bangunan tersebut. Infstruktur monorail menurut pandangan responden adalah lestari kerana mereka melihat sudut kelestarian dari aspek alam sekitar. Namun, dari segi aspek sosial dan ekonomi ianya tidak lestari kerana mengalami masalah teknikal semasa sedang beroperasi dan terpaksa dihentikan penggunaannya buat masa ini.

Jalan-jalan dan sistem pengangkutan bas yang ada buat masa ini perlu ditingkatkan lagi perkhidmatannya agar ia dapat menampung kedatangan pengunjung yang semakin meningkat ke Melaka. Pengangkutan bas ini perlulah selesai agar pelancong dapat mengurangkan penggunaan kereta persendirian bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan asap kenderaan. Tradisi budaya seperti masyarakat Kampung Morten, tarian, muzik dan kesenian seperti *puppet shows* dan batik perlulah dipromosikan dan diperluaskan ke luar negeri Melaka. Hal ini kerana penyelidik mendapati pengunjung dari luar kurang mengenali kesenian ini melainkan jika mereka berkunjung ke Melaka dan tinggal di hotel dan restoren serta berkunjung ke kawasan di mana kesenian ini dipertontonkan.

Penduduk setempat juga terlibat sangat aktif dengan aktiviti pelancongan kerana ramai dalam kalangan mereka merupakan peniaga, pengusaha homestay dan pemandu pelancong. Keramahan penduduk serta kesediaan mereka untuk membantu pelancong amatlah dihargai. Namun, komunikasi mereka dalam berbahasa Inggeris perlu ditingkatkan lagi bagi menarik pelancong antarabangsa.

Kebersihan di sekitar Melaka juga adalah baik namun perlu ditingkatkan lagi di beberapa kawasan kerana ada sebilangan kecil pelancong yang masih kurang berpuas hati dengan tahap kebersihan yang ada sekarang. Pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), penduduk sekitar dan pelancong itu sendiri perlulah bekerjasama menjaga kebersihan bandar Melaka demi menjaga imej baik bandar ini di mata dunia.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah, Aziah Ismail (2007) Kesediaan memperkasa pendidikan pembangunan lestari oleh pengurus pendidikan sekolah: Satu kajian kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, pp.1-15.
- Abdul Rahman Aripin (1997) Melaka bumi bersejarah. *Dewan Budaya* 19 (7), 34-35.
- Chamhuri Siwar (2004) Pembangunan mapan: Strategi menang-menang untuk pembasmian kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar. Penerbit UKM, Bangi.
- Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka (2000) Program pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai Melaka. Jabatan Alam Sekitar, Melaka.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2007) Statistik Kedatangan Pelancong.

- Kementerian Pelancongan Malaysia (2008) Statistik Kedatangan Pelancong.
Kementerian Pelancongan Malaysia (2009) Statistik Kedatangan Pelancong.
Kementerian Pelancongan Malaysia (2010) Statistik Kedatangan Pelancong.
Kementerian Pelancongan Malaysia (2011) Statistik Kedatangan Pelancong.
Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) Statistik Kedatangan Pelancong.
Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia. Laporan Ketua Audit Negara 2010. [cited 28 Dec 2011]. Available from: <http://jan101.audit.gov.my/review/docs-28-148.xhtml>.
- Mardianah Hj Mohd Ibo (2000) Pembangunan kompleks warisan sejarah sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka. Satu kajian pelancongan di Bandar Hilir. Kertas Projek. Jabatan Geografi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Markarius Anwar (2007) Model reka bentuk bandar berasaskan bentuk bandar tradisional Melaka. (Tesis Ijazah Sarjana). Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Melaka Bandaraya Bersejarah (1988) *Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988 (pindaan 1993)*. Perbadanan Muzium Negeri Melaka.
- Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah (2010) Isu pembangunan pelancongan ekologi di Malaysia. In: *Pembangunan dan alam sekitar di Malaysia*. Penerbit UPSI, Tanjung Malim.
- Morrison AM (2002) *Health hospitality and travel marketing 3rd edition*. DELMAR, United State.
- Murphy PE (1985) *Tourism: A community approach*. Methuen, London.
- Nicolau JL, Mas FJ (2005) The influence of distance and price on the choice of tourist destination: The moderating role of motivations. *Tourism Management* 27 (5), 982-996.
- Pelancongan Melaka. [cited 28 Dec 2011]. Available from: <http://www.melaka.gov.my/bm/pelancongan.html>.
- Peta Melaka. [cited 3 August 2012]. Available from: <http://www.dromoz.com/directory/place/?id=958&p=melaka>.
- Raja Shahminan, Raja Nafida (2007) Kajian tipologi rumah kedai awal era Belanda di Bandar Melaka: Sumbangan kepada bidang pemuliharaan di Malaysia. (Tesis Sarjana). Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.
- Swarbrooke J (1995) *The development and management of visitor attractions*. Heinerman Limited, Butterworth.
- WTO (2005) World Tourism Organization [cited 25 Dec 2011]. Available from: www.world-tourism.org.
- Yahaya Ibrahim (2002) Dari samudera ke daratan: Transformasi sektor komuniti nelayan tradisi. In: Rokiah Ismail, Zaidah Mustapha, Yahaya Ibrahim (eds) *Industrialisasi dan modenisasi di Malaysia dan Indonesia*, pp. 125-136. Prentice Hall, Kuala Lumpur.